

26 OCT 1997

Mahathir-Sokongan

MASYARAKAT INDIA TURUT SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Hampir 2,000 kaum India hari ini berkumpul bagi menunjukkan sokongan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usahanya menangani masalah kemerosotan mata wang dan pasaran saham negara.

Perhimpunan anjuran Barisan Kemajuan India Se-Malaysia itu turut disertai lebih 20 persatuan yang mewakili masyarakat India.

Mereka yang berkumpul di Dewan Pandu Putri di sini turut melafazkan ikrar taat setia yang akan disampaikan kepada Perdana Menteri di samping membakar patung pengurus dana dari Amerika Syarikat George Soros yang digelar Dr Mahathir penyangak yang mengakibatkan kejatuhan mata wang beberapa negara termasuk Malaysia.

Presiden IPF M. G. Pandithan dalam ucapannya berkata perhimpunan itu diadakan bagi memberi peluang masyarakat India mengisytiharkan sokongan terbuka kepada Dr Mahathir yang sejak kebelakangan ini menjadi sasaran kritikan media asing.

"Ketika negara diserang manipulator dan spekulator asing, rakyat negara ini harus bersatu-padu tanpa mengira kaum menyokong Dr Mahathir menghadapi mereka," katanya.

Presiden Cuepacs Mohammad Mat Jid yang turut berucap pada majlis itu menggesa rakyat negara ini mengamalkan konsep "Berbudi, Membalas Budi dan Mengenang Budi."

"Kalau kita tidak tahu membalas budi, sekurang-kurangnya jadilah seorang yang mengenang budi," katanya merujuk kepada sumbangan yang telah dicurahkan Perdana Menteri.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Ibrahim Ali pula dalam ucapannya berkata usaha mengadakan perhimpunan sedemikian bukan bertujuan memuja pemimpin tetapi untuk menunjukkan kepada masyarakat asing bahawa rakyat negara ini bersatu padu apabila diancam dari luar.

"Bukan soal ingin memuja pemimpin, tetapi apa yang diperjuangkan pemimpin itu yang harus diambilkira," katanya yang menerima tepukan gemuruh para hadirin.

Turut hadir pada majlis yang berlangsung lebih tiga jam itu ialah Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Bagi Profesion Perguruan (NUTP) Siva Subramaniam dan anggota exco IPF. -- BERNAMA

HJ RON